

## METODE PEMBELAJARAN AWAL AL-QURAN DI MALAYSIA

NOR DALILAH BINTI MOHD BAHARUDDIN  
Nordalilah92@gmail.com

MOHD HASBIE AL-SHIDDIEQUE BIN HAMAD  
alshiddieque@kuis.edu.my

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

### ABSTRAK

*Dalam kehidupan seharian manusia, banyak perkara yang menjadi faktor penarik agar manusia lalai dalam melaksanakan tanggungjawab agama dan tertarik dengan keindahan dunia. Antaranya ialah keluarga meliputi anak-anak dan isteri. Bermulanya kehidupan seorang insan dengan kelahiran seorang bayi yang tidak mengerti apa-apa bermakna. Setiap lapisan masyarakat bertanggungjawab mendidiknya menjadi insan yang dikehendaki oleh masyarakat tersebut. Seandainya masyarakat menginginkan generasi seterusnya merupakan generasi yang beriman, maka pendidikan agama harus diterap seawal mungkin. Oleh yang demikian, pendidikan al-Quran juga harus diterap di usia muda supaya pendidikan al-Quran berkembang sejajar dengan usia semasa. Kertas kerja ini bertujuan adalah untuk membincangkan method awal pengajian al-Quran. Selain itu, Kertas Kerja ini akan mengetengahkan kaedah pengajian al-Quran pada zaman Rasulullah, Sahabat, Tabiin, dan masa kini. Manakala method kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan penelitian terhadap sumber primer seperti temuramah dan pemerhatian dan sumber sekunder seperti penulisan artikel, kertas kerja dan sebagainya. Hasil kajian mendapati kepelbagaian method yang digunapakai dalam pembelajaran awal al-Quran di kalangan kanak-kanak.*

**Kata kunci :** *Pembelajaran awal al-Quran, kanak-kanak, pelbagai method pengajian.*

### 1.0 PENGENALAN

Sejarah pengajian al-Quran menurut Al-Buti (1991) dan Mohd Yusuf (2000) bermula ketika Nabi Muhammad SAW sedang beibadat di Gua Hira'. Baginda dilantik menjadi pesuruh Allah secara rasmi dengan turunnya ayat al-Quran yang pertama. Dengan perutusan kenabian ini, maka bermulalah pendidikan yang bersumberkan wahyu. Hal ini jelas berdasarkan surah al-'Alaq yang mengandungi perkataan *Iqra'* yang memberi erti belajar, mengkaji, dan mencari ilmu. Bacaan yang diajar oleh Jibril a.s dan dibaca oleh Rasulullah bukan semata-mata bacaan, tetapi ia dilakukan untuk diikuti dan difahami sehinggakan Rasulullah s.a.w apabila diturunkan wahyu kepadanya baginda tidak henti-henti menggerakkan lidah dan bibirnya sehingga Allah S.W.T melarangnya berbuat demikian. Allah S.W.T memberi jaminan kepada rasulNya berkaitan amalan menghafal al-Quran dan membetulkan bacaan rasulNya. Bertepatan firman Allah S.W.T dalam Surah al-Qiamat, ayat 16 dan 17 yang menjelaskan bahawa Rasulullah mempelajari al-Quran melalui malaikat Jibril melalui kaedah mendengar dan memerhati bacaan Jibril a.s Rasulullah s.a.w tidak tegopoh-gapah dalam bacaan dan hanya mengikuti bacaan apabila malaikat Jibril a.s selesai membacanya. (Al-Buti, 1991)

Nabi Muhammad s.a.w memulakan pengajian al-Quran di rumah baginda, rumah al-Arqam bin Abi Arqam dan seterusnya berkembang ke Madinah. Setelah Rasulullah s.a.w berhijrah ke Madinah, pengajian al-Quran berterusan di rumah baginda dan seterusnya di Masjid Nabawi. Ramai sahabat mempelajari al-Quran secara hafalan daripada Rasulullah s.a.w hingga lahir kumpulan *huffaz* (Al-Buti, 1991). Tegasnya pada peringkat ini para sahabat masih meneruskan kaedah hafalan ini telah berjaya melahirkan ramai mereka yang membaca dan menghafal al-Qur'an. Antara para sahabat yang berguru secara langsung dengan Rasulullah s.a.w ialah Abu Bakar, Uthman, Ali Ibn Mas'ud, A'ishah dan Hafsa (Al-Buti, 1991).

Rasulullah s.a.w dalam mempelajari al-Quran amat memerlukan pertolongan Allah S.W.T kerana sebenarnya dalam mempelajari al-Quran berbeza dengan mempelajari sesuatu yang lain. Allah S.W.T telah memberi jaminan kepada rasul-Nya bahawa al-Quran yang dibaca oleh Nabi Muhammad s.a.w tidak akan dilupai selama-lamanya. Dengan jaminan ini, maka setiap kali Jibril a.s datang membawa wahyu kepada Rasulullah s.a.w, Baginda mendengarnya dengan penuh perhatian dan apabila Jibril a.s selesai, Nabi membacanya sebagaimana Jibril a.s membacanya.

## 2.0 PUSAT PENGAJIAN

Pada peringkat awal perkembangan Islam ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam telah sampai di rumah Baginda dan rumah sahabat baginda seperti rumah al-Arqam bin al-Arqam, Rasulullah s.a.w menyampaikan ilmu-ilmu Islam peringkat asasnya ilmu akidah dan akhlak. Pada zaman Makkah ini Rasulullah s.a.w berperanan sebagai guru, murid-muridnya terdiri daripada kalangan dan para sahabat yang rapat dengan Baginda manakala rumah Baginda dan rumah al-Arqam bin al-Arqam berperanan sebagai institusi pertama pendidikan Islam.

Rasulullah s.a.w menyampaikan setiap wahyu yang diterima atau setiap kali wajah diturun kepada kaum keluarga Baginda, para sahabat dan sekalian kaum muslimin secara terbuka. Rasulullah s.a.w berbuat demikian kerana tugas Rasulullah untuk menyampaikan ajaran Islam dan menyeru manusia ke jalan Allah, firman Allah yang bermaksud .

يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ (٦٧)

Maksudnya: *Wahai Rasul Allah! sampaikanlah apa Yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu; dan jika Engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah Engkau menyampaikan perutusanNya; dan Allah jualah akan memeliharaku dari (kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum Yang kafir.*

Bentuk pengajaran dan pengajian Rasulullah s.a.w ialah membaca al-Quran karim kepada para sahabat dan menerangkan maksud ayatnya supaya dapat difahami dan dihayati serta diamalkan pada saat itu juga. Baginda Rasul juga menyuruh para sahabatnya menghafal setiap ayat yang telah diajar disamping Rasulullah s.a.w menyeru para sahabatnya untuk menulis agar dapat sentiasa diulang kaji pada masa yang lain.

Baginda Rasulullah s.a.w menunjukkan dan melatih para sahabat dan semua kaum muslimin agar mengamalkan serta mengamati segala pelajaran yang disampaikan oleh Baginda. Sesungguhnya nabi Muhammad s.a.w ialah seorang rasul dan guru yang telah mendidik melatih dan memandu umat islam dengan penuh tanggungjawab, mesra dan penuh perasaan kasih sayang. Baginda Rasulullah s.a.w selalu menjadikan dirinya sebagai teladan dan contoh-contoh yang diikuti.

Para sejarawan Islam telah memulakan kajian tentang pendidikan Islam pada zaman Rasulullah s.a.w bermula dari Institusi al-Arqam bin al-Arqam di Assafah, Makkah pada tahun 610 masihi. Disinilah bermulanya era pendidikan Islam dan Quran (Barnadib, 1985)

Selain Institusi pendidikan al-Arqam bin al-Arqam, Rasulullah s.a.w juga menggunakan rumahnya sebagai pusat pembelajaran. Langkah pertama yang dilakukan oleh Baginda dalam proses pengajaran pembelajaran ialah melalui metod iqra (bacaan), iaitu dengan membaca ayat-ayat al-Quran yang telah diturunkan oleh Allah oleh Allah s.w.t kepada sahabatnya melalui metod *Tartil*.

Menurut Kassim Ahmad (1984), Rasulullah juga menekankan kaedah penurunan wahyu pada masa itu, satu era yang istimewa pada zaman pendidikan Rasulullah s.a.w di peringkat Makkah ialah apabila diturunkan wahyu yang pertama kepada nabi Muhammad s.a.w yang menekankan konsep bacaan.

Para pengkaji sejarah Islam menjelaskan bahawa isi kandungan pendidikan yang disampaikan itu bergantung kepada wahyu daripada Allah s.w.t sendiri. Maka dengan itu, kelahiran pendidikan Islam adalah satu era baru bagi dunia pendidikan yang ada pada masa itu.

Bukan sahaja wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w itu sebagai bahan pengajaran nabi bahkan ia juga merupakan sumber pendidikan Rasulullah s.a.w kepada keluarga dan para sahabat Baginda, wahyu yang menekankan persoalan akidah masyarakat Quraisy pada masa itu telah dikuliahkan oleh agenda di Institusi di rumah al-Arqam.

Perkembangan ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam lebih pesat dan menggalakkan apabila Rasulullah saw berhijrah ke Madinah pada tahun 622 masihi. Perkembangan ini berkait rapat dengan peranan masjid yang telah didirikan oleh Rasulullah s.a.w . Disana masjid telah dijadikan markas kegiatan sosial dan kemasyarakatan selain daripada tempat ibadah. Kegiatan ini termasuklah proses pembelajaran dan pengajian.

Bagi memastikan kesucian masjid sebagai tempat ibadah maka nabi telah membina surau yang bersambung dengan masjid tersebut, surau itu dikenali dengan nama *al-suffah*, ia boleh dikatakan sebagai sebuah sekolah kerana kegiatan pengajian dan pembelajaran yang dijalankan disitu lebih sistematik dan formal. Manakal metode pengajaran adalah dalam bentuk halaqah yang disampaikan melalui kaedah syarahan dan praktikal. Sejalan dengan perkembangan dan tersusun. Pelbagai aspek kehidupan dipelajari dan diajar kepada mereka.

Kota Madinah pada masa itu telah menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan dan pendidikan. Pelbagai jenis ilmu yang telah disebarkan di Madinah iaitu di Jazirah Arabiah dan Negara-negara sekitarnya. Di Madinah telah terdapat sembilan buah masjid yang berperanan sebagai institusi pendidikan nabi. Antara sekolah yang terkemuka iaitu sekolah Kaabah.

### **3.0 SEJARAH PENDIDIKAN AL-QURAN PADA ZAMAN SAHABAT**

Menurut Prof. Dr Hassan Langgulung(1988) dalam buku Asas-asas Pendidikan Islam menerangkan bahawa bertahun-tahun pemerintahan Khulafa al-Rasyidin merupakan perjuangan terus menerus antara hak yang mereka bawa dan dakwahkan kebatilan yang mereka perangi dan musuhi. Pada zaman khulafa al-Rasyidin seakan-akan kehidupan Rasulullah SAW itu berulang kembali. Pendidikan islam masih tetap memantulkan Al-Qur'an dan Sunnah di ibu kota khilafah di Makkah, di Madinah dan di negeri- negeri lain yang ditakluki oleh orang-orang Islam.

Berikut penguraian tentang pendidikan Islam(al-Quran) pada masa Khulafa al- Rasyidin:

#### **A. Masa Khalifah Abu Bakar as-Siddiq**

Menurut Prof. Dr. H. Samsul Nizar, M.ag (2008) dalam bukunya Sejarah Pendidikan Islam pola pendidikan al-Quran pada masa Abu Bakar masih seperti pada masa Nabi, baik dari segi isi kandungan mahupun lembaga pendidikannya. Dari segi isi kandungan pendidikan Islam terdiri daripada pendidikan tauhid atau keimanan, akhlak, ibadah, kesihatan, dan sebagainya. Menurut Ahmad Syalabi (1980), lembaga untuk belajar membaca menulis ini disebut dengan Kuttab. Kuttab merupakan lembaga pendidikan yang dibentuk setelah masjid, selanjutnya Asama Hasan Fahmi mengatakan bahwa Kuttab didirikan oleh orang-orang Arab pada masa Abu Bakar dan pusat pembelajaran pada masa ini adalah Madinah, sedangkan yang bertindak sebagai tenaga pendidik adalah para sahabat rasul terdekat.

Lembaga pendidikan Islam(al-Quran) masjid, masjid dijadikan sebagai benteng pertahanan rohani, tempat pertemuan, dan lembaga pendidikan Islam, sebagai tempat solat berjama'ah, membaca Al-Qur'an dan lain sebagainya.

#### **B. Masa Khalifah Umar bin Khattab**

Menurut Prof. Dr. H. Samsul Nizar, M.ag (2008). dalam bukunya Sejarah Pendidikan Islam berkaitan dengan masalah pendidikan , khalifah Umar bin Khattab merupakan seorang pendidik yang melakukan penyuluhan pendidikan di kota Madinah, beliau juga menerapkan pendidikan di masjid-masjid dan pasar-pasar serta mengangkat dan menunjuk guru-guru untuk tiap-tiap daerah yang ditaklukan itu, mereka bertugas mengajarkan isi Al-qur'an dan ajaran Islam lainnya. Adapun metod yang mereka pakai adalah guru duduk di halaman masjid sedangkan murid melingkarinya.

Pelaksanaan pendidikan di masa Khalifah Umar bin Kattab lebih maju, sebab selama Umar memerintah Negara berada dalam keadaan stabil dan aman, ini disebabkan disamping telah ditetapkannya masjid sebagai pusat pendidikan juga telah terbentuknya pusat-pusat pendidikan Islam di berbagai kota dengan ilmu yang dikembangkan, baik dari segi ilmu bahasa, menulis, dan pokok ilmu-ilmu lainnya.

Pendidikan dikelola di bawah pengaturan gubernor yang berkuasa saat itu,serta diiringi kemajuan di berbagai bidang, seperti jawatan pos, kepolisian, baitulmal dan sebagainya.Adapun sumber gaji para pendidik waktu itu diambilkan dari daerah yang ditaklukan dan dari baitulmal.

#### **C. Masa Khalifah Usman bin Affan.**

Menurut Prof. Dr. H. Samsul Nizar, M.ag (2008) dalam bukunya Sejarah Pendidikan Islam pada masa khalifah Usman bin Affan, pelaksanaan pendidikan Islam(al-Quran) tidak jauh berbeza dengan masa sebelumnya. Pendidikan di masa ini hanya melanjutkan apa yang telah ada, namun hanya sedikit terjadi perubahan yang mewarnai pendidikan Islam. Para sahabat yang berpengaruh dan dekat dengan Rasulullah yang tidak diperbolehkan meninggalkan Madinah di masa khalifah Umar, diberikan kelonggaran untuk keluar di daerah-daerah yang mereka sukai. Kebijakan ini sangat besar pengaruhnya bagi pelaksanaan pendidikan di daerah-daerah.

Proses pelaksanaan pola pendidikan pada masa Usman ini lebih ringan dan lebih mudah dijangkau oleh seluruh peserta didik yang ingin menuntut dan belajar Islam dan dari segi pusat pendidikan juga lebih banyak, sebab pada masa ini para sahabat memilih tempat yang mereka inginkan untuk memberikan pendidikan kepada masyarakat.

Tugas mendidik dan mengajar umat pada masa ini diserahkan pada umat itu sendiri, ertinya pemerintah tidak mengangkat guru-guru, dengan demikian para pendidik sendiri melaksanakan tugasnya hanya dengan mengharapkan keredhaan Allah.

#### **4.0 PERKEMBANGAN PUSAT PENGAJIAN YANG DIPELOPORI PARA SAHABAT :**

Setelah berlaku perkembangan dan penyebaran agama Islam di semerata dunia, maka menjadi tanggungjawab khalifah Islam untuk memastikan agama Islam diterapkan di setiap kota yang diterokai. Oleh yang demikian, diutuskan seorang yang berkemahiran dalam dalam untuk memberi penjelasan berkaitan agama. Maka antara sahabat yang diamanahkan untuk memastikan agama islam terpandu terutamanya dalam pengajian al-Quran adalah seperti berikut:

##### 1. Makkah

Guru pertama yang mengajar di Mekah setelah Mekah ditakluki ialah Muaz bin Jabal. Beliau ialah yang mengajar al-Quran dan perkara halal haram dalam Islam.

##### 2. Madinah

Lebih terkenal dan lebih mendalam ilmunya kerana di sana terdapat Khalifah Abu Bakar, Umar, Ali, Zaid bin Thabit serta sahabat-sahabat Nabi Muhammad.

##### 3. Basrah

Sahabat yang terkenal ialah Abu Musa al-Asyari dan Anas bin Malik.

##### 4. Kuffah

Sahabat yang tinggal di Kuffah ialah Ali bin Abu Talib dan Abdullah bin Mas'ud. Tugas Ibn Mas'ud ialah mengajar al-Quran dan ilmu agama. Beliau diutus oleh Umar al-Khattab ke Kuffah untuk menjadi guru.

## 5. Damsyik (Syam)

Setelah negeri Syam menjadi sebahagian negara Islam dan penduduknya ramai memeluk Islam, maka Saidina Umar menghantar tiga orang guru agama ke negeri itu iaitu Muaz bin Jabal, Ubadah dan Abu Dardak al-Dardak. Mereka mendirikan madrasah agama dan mengajar al-Quran serta ilmu agama pada tiga tempat iaitu Abu al-Dardak di Damsyik, Muaz bin Jabal di Palestin dan Ubadah di Hims.

### **5.0 PELAJARAN ILMU YANG DIAJARKAN**

Prof. Dr. H. Samsul Nizar, M. Ag (2008) menyatakan pada masa khalifah-khalifah al-Rasyidin sebenarnya telah ada tingkat pengajaran hampir serupa seperti sekarang. Tingkat pertama ialah Kuttab, tempat murid-murid belajar menulis dan membaca, menghafal al-Quran serta belajar dasar-dasar agama Islam. Setelah tamat al-Quran, mereka meneruskan pelajaran ke masjid. Pelajaran di masjid itu terdiri dari peringkat menengah dan peringkat tinggi. Pada peringkat menengah gurunya belumlah ulama besar, sedangkan pada peringkat tinggi gurunya ulama yang dalam ilmunya dan terkenal kealiman dan kesahihannya. Umumnya guru memberikan pelajaran kepada murid-murid seorang demi seorang sama ada di Kuttab atau di masjid pada peringkat menengah. Pada peringkat tinggi pelajaran diberikan oleh guru dalam satu halaqah yang dihadiri oleh para pelajar.

### **6.0 KAEDAH PENGAJIAN AL- QURAN PADA ZAMAN TABIIN**

Abd Rahman Abd Ghani, 2007 menyatakan di dalam bukunya yang bertajuk Mendalami Rasm Uthmani, pada zaman tabiin, penekanan pembelajaran di peringkat kanak-kanak diperluaskan. Peringkat pertama ialah al-Quran sebagai bahan bacaan utama diajarkan dengan membaca dan menghafaz semasa kanak-kanak berusia lima tahun. Di samping itu kanak-kanak juga di ajar pelajaran tambahan yang lain seperti membaca, menulis, mengira, bahasa Arab dan syair.

Di peringkat ini, kanak-kanak diajar membaca dan menghafaz melalui surah yang pendek dan mengulangi mengikut bacaan guru sahaja. Kaedah ini memudahkan kanak-kanak menghafaz al-Quran walaupun tanpa memahami makna dan kandungannya. Walau bagaimanapun, pembelajaran yang dilaksanakan dalam masyarakat kita selama ini ialah asas pembelajaran al-Quran yang berdasarkan Muqaddam al-Baghdadi dan kaedah-kaedah terkini.

### **7.0 KAEDAH PENGAJIAN AL-QURAN DALAM KALANGAN KANAK-KANAK DI MALAYSIA**

Selain daripada pengajian al-Quran di Malaysia, kaedah tilawah al-Quran yang asas untuk kanak-kanak mengenal huruf al-Quran juga mengalami evolusi perkembangan. Secara umumnya terdapat dua kaedah pengajian al-Qura yang pernah diperkenalkan di Malaysia, iaitu kaedah Baghdadiyah dan kaedah Iqra'.

#### ***7.1 Kaedah Bagdadiyyah***

Pembelajaran al-Quran melalui teknik al-Baghdadi adalah satu teknik yang diilhamkan oleh Ustaz Jaluddin al-Baghdadi. Ianya adalah atau teknik yang dapat membantu umat Islam yang memerlukan bagi menguasai bacaan al-Quran dengan pendekatan yang mudah, inovatif dan sistematik dalam tempoh yang singkat dan teknik ini juga membolehkan kita mengajar orang lain. Pengajaran al-Quran melalui kaedah Bagdadiyyah adalah berdasarkan buku Muqaddam yang bermatlamatkan kepada pembinaan kemampuan untuk membaca al-Quran. Kaedah ini

telah memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat Melayu Islam tradisional. Buku Muqaddam yang digunakan bagi menjalankan kaedah ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama diperkenalkan huruf *hija'iyah*, huruf-huruf bersambung dan berbaris. Bahagian kedua ialah susunan ayat-ayat al-Quran juzuk ke-30.

Pengajaran yang berpandukan kaedah Baghdadiyyah dimulai dengan mengenal huruf-huruf *hija'iyah*, diikuti dengan huruf bersambung dan berbaris. Apabila selesai mengenal kedua-dua bentuk huruf ini, barulah dipindahkan membaca al-Quran. Ianya bermula dari surah al-Fatihah, surah an-Nas sehingga surah an-Naba'. Pembelajaran al-Quran melalui kaedah ini ada tiga peringkat, iaitu :

- 1) Peringkat pertama ialah pembacaan secara umum. Pada peringkat ini guru ditugaskan mengajar cara membaca al-Quran dengan betul serta memberi penekanan kepada tajwid. Kemampuan membaca juga dibina berdasarkan asas yang telah dibina dengan mengenal huruf dan baris.
- 2) Peringkat kedua ialah bacaan ulangan yang lebih menekankan kepada pembacaan secara kaedah tajwid dan sebutan yang lebih baik dan mantap.
- 3) Peringkat ketiga pula ialah pembacaan secara berirama dan belagu.

Walaupun kaedah ini telah melahirkan ramai masyarakat Melayu Islam yang boleh membaca al-Quran dengan baik, namun kaedah ini mempunyai beberapa kelemahan tersendiri, iaitu :

- 1) Kaedah mengenal huruf *hija'iyah*, huruf bersambung dan berbaris yang terdapat dalam buku Muqaddam agak ketinggalan dan tidak sesuai dengan kaedah mempelajari bahasa untuk masa sekarang.
- 2) Kaedah ini hanya menekankan satu aspek sahaja dari al-Quran iaitu membaca, sedangkan aspek penulisan, hafalan dan kefahaman tidak diambil kira.
- 3) Susunan ayat-ayat al-Quran yang songsang boleh mengelirukan pelajar di peringkat permulaan serta melahirkan anggapan susunan al-Quran sememangnya begitu. Secara tidak langsung ini boleh memberi kesan kepada penyusunan bacaan dalam sembahyang.
- 4) Keempat, kemampuan pelajar dalam membaca terbatas kepada jenis al-Quran yang biasa digunakan sahaja dan agak susah membaca jika diberikan al-Quran yang tidak biasa dengannya.

Keempat-empat kelemahan ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada kanak-kanak yang mempelajari al-Quran.

### **7.2 Kaedah Iqra'**

Seterusnya muncul pula kaedah baru seperti kaedah Iqra' yang berasal dari Indonesia dan diasaskan oleh Ustaz H. As'ad Humam. Beliau adalah salah seorang pengasas Team Tadarus Angkatan Muda Masjid dan Musalla dan ahli Lembaga Pengembangan Tilawah Quran Peringkat Kebangsaan di Yogyakarta, Indonesia. Kebolehan beliau

dalam mengajar membaca al-Quran dengan menggunakan pelbagai kaedah bermula sejak 1950 lagi. Berdasarkan kaedah pembelajaran al-Quran yang selama ini digunakan masih banyak kelemahan dan kurang berkesan serta di atas permintaan ramai, maka beliau menyusun buku IQRA' (cara Cepat Membaca al-Quran). kaedah Iqra' disusun secara lengkap, sempurna serta bersepadu dengan huruf yang seimbang. Ia dimulai dengan pembelajaran asas, dengan rangkaian huru-huruf sehinggalah ke peringkat suatu ayat yang bermakna. Kaedah Iqra' ini terkandung dalam 6 jilid dan dapat membantu pelbagai peringkat umur dalam mempelajari al-Quran. Perkara penting dalam kaedah Iqra' ini ialah latihan sebutan huruf dan ayat agar kemahiran membaca al-Quran dapat dikuasai.

Keistimewaan kaedah Iqra' menurut Muhd Mukri (1994) : Pertama, pengajaran dan pembelajaran guru dalam tilawah al-Quran tidak menggunakan kaedah tertentu. Kaedah yang digunakan hanya warisan generasi terdahulu atau kaedah Baghdadiyah. Kedua, kaedah Baghdadiyah yang digunakan memakan masa kerana guru memperkenalkan huruf, baris, mengeja dan menyebutnya. Ketiga, pelajar menghadapi masalah mengenal, mengeja dan menyebut huru-huruf kerana tidak mempunyai kemahiran tersebut. Keempat, kaedah Iqra' merupakan satu daripada beberapa kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran dan bukan sukatan pelajaran serta tidak merubah sukatan pelajaran. Kelima, berdasarkan percubaan yang dijalankan didapati pelajar boleh menguasai dengan cepat dan berkesan dalam bacaan al-Quran. Keenam, pelajar yang mengikuti kaedah ini di Indonesia telah mampu menguasai pembacaan al-Quran.

Menurut Muhd Mukri (1994) lagi, antara ciri-ciri yang terdapat dalam kaedah Iqra' ialah pertama bacaan terus (tanpa dianalisis dan dieja). Pelajar tidak diperkenalkan terlebih dahulu nama-nama huruf *hija'iyah* dan tanda-tanda bacaan, tetapi terus diperkenalkan bagi satu-satu huruf dengan menggunakan pengajaran. Kedua, teks tertentu. Pengajaran dan pembelajaran menggunakan satu set buku yang mengandungi enam naskhah. Pelajar menggunakan tahap-tahapnya bermula dari buku pertama. Ketiga, teknik pengajaran Cara Belajar Pelajar Aktif (CMBA). Pengajaran dimulakan dengan cara guru menerangkan pengajaran beberapa kali dan apabila pelajar sudah jelas, maka pelajar disuruh membaca sendiri. Keempat, *talaqqi musyafaha*. Semasa mempelajari al-Quran pelajar mesti berdepan secara langsung dengan gurunya, agar pelajar mengetahui dengan tepat bagaimana *makhraj* dan sifat-sifat huruf yang sebenar. Kelima, tahap berdasarkan kecapaian individu. Tahap pencapaian pelajar dalam bacaan adalah bergantung kepada kecekapan individu dan peranan yang diusahakan oleh gurunya. Keenam, praktis. Tujuan kaedah Iqra' dibentuk supaya pelajar dapat membaca al-Quran dengan cepat dan mudah. Manakala ilmu tajwid hanya akan diajar setelah pelajar berupaya untuk *bertadarus* al-Quran. Istilah tajwid tidak diajar dalam kaedah Iqra', tetapi ketepatan sebutan *makhraj* ditekankan semasa pembacaan. Ketujuh, sistematik. Bahan pengajaran disusun lengkap, terancang dan terarah dari pelajaran asas dan sederhana sehinggalah ke tahap satu kalimah yang bermakna.

## 8.0 KESIMPULAN

Kesimpulan yang dapat di sini bahawa sistem pendidikan dan pengajian ini sudah bermula pada zaman Rasulullah s.a.w lagi. Hal ini telah dibuktikan oleh para sejarawan yang mana mereka mengkaji mengenai sejarah pengajian dan pendidikan di zaman Rasulullah.

Pendidikan dan pengajian al- Quran di zaman Rasulullah mempunyai pelbagai kaedah dan bentuk pengajaran yang telah didedahkan oleh Rasulullah. Bentuk pengajaran ini masih digunakan sehingga hari ini. Pada zaman Rasulullah, tempat pengajaran atau pembelajaran itu dilaksanakan di masjid-masjid hal ini kerana masjid pada zaman itu juga bukan sahaja untuk melakukan ibadat bahkan ia juga menjadi tempat penyampaian ilmu pengetahuan kepada umatnya.

Antara masjid-masjid yang menjadi tempat pengajian ilmu pengetahuan iaitu Masjid Quba' dan Masjid Makkah. Pelbagai ilmu juga telah diperkenalkan pada zaman Rasulullah s.a.w sendiri seperti beribadat dan sebagainya. Setelah itu ilmu pengetahuan ini disambung oleh para khulafa ar-Rasyidin iaitu 4 khalifah ini. Di sini mereka telah meneruskan dalam menyebarkan ilmu pengetahuan dan pada zaman ini juga al-Quran telah dibuku dan dikumpulkan iaitu pada zaman Saidina Uthman Ibn Affan.

Walau bagaimanapun al-Quran pada zaman itu menjadi rujukan dalam mendalami pelbagai ilmu. Penyebaran tempat ilmu ini berlaku di pelbagai tempat seperti di Makkah, Madinah dan sebagainya. Kesan dalam ilmu pengetahuan di zaman Rasulullah dan sahabat meninggalkan kesan kepada sistem pendidikan sekarang. Hal ini kerana pendidikan yang digunakan sekarang adalah sama dengan kaedah yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w.

Akhirnya, sistem pendidikan zaman Rasulullah dan sahabat ini adalah satu sistem pendidikan yang sememangnya telah dinyatakan dalam al-Quran. Pendidikan dan pengajian al-Quran pada zaman itu juga telah lama dilaksanakan kerana mereka pada zaman itu sememangnya menggunakan al-Quran bagi mendalami ilmu pengetahuan.

## RUJUKAN

Ab halim bin Tamuri, et. (2012) *Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Islam Di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas ( Masalah Pendengaran)*. Penerbit UKM.

Abdul Raof Dalip, (1990). *Zaman Khalifah Ar-Rasyidin*, Fakulti Pendidikan UKM, Selangor.

Abdullah Nasih 'Ulwan, (2000). *Pendidikan Anak-anak Menurut Pandangan Islam*, Cetakan pertama, Kuala Lumpur, Penerbit: jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Adel M. Abdulaziz, et. (2006) *Panduan dan Bimbingan Guru Al-Quran*. Cetakan pertama, Penerbit : Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Ahmad Mohamad , (1997). *Pendidikan Islam : Falsafah, Pedagogi Dan Metodologi*, Penerbit Fajar Bakti, Shah Alam.

Amil Hashim. (2012). *Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia*. Penerbit UPSI.

Asrol Hasan. (T.T). *Fun Iqra' - Alat Bantu Mengajar Baru Di Dalam Pembelajaran Asas Al-Quran Untuk Kanak-Kanak Prasekolah*. Penerbit UIT

Azhar Adli Ismail. (2010), *Sejarah Pendidikan Al-Quran pada Zaman Rasulullah*.

- Engkizar. (2011). *Konsep Pengajaran Dan Pembelajaran Membaca Al-Quran Dalam Pendidikan Islam*. Penerbit UKM.
- Farah Ilyani Binti Zakaria & Mohd Aderi Che Noh. (2011). *Perlaksanaan Kelas Kemahiran Al-Quran Di Malaysia : Satu Analisis*. Penerbit UKM.
- Hanafi Mohamed. (1996). *Falsafah Pendidikan Menurut Al-Quran*. Cetakan pertama. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Ilmi.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2007). *Sejarah, Kaedah, Serta Model Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran*. Penerbit UKM.
- Maimun Aqsha Lubis & Ismail Suardi Wekke. (T.T) *Inovasi Teknik Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran Dalam Bilik Darjah*. Penerbit UKM.
- Mohd Aderi Che Noh. *Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru Di Sekolah Menengah Harian Malaysia*. Penerbit UKM.
- Monika @ Munirah Abd Razak et., (2014). *Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran Melalui Program Televisyen : Kajian Di Tv Al-Hijrah*. Penerbit UM.
- Mohd. Yusuf Ahmad. (2000). *Sejarah Dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Cetakan pertama. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Ali Ash Shabuni. (2007), *Sejarah Dan Hadis Pengajian Ilmu Al- Quran*, Cetakan keempat, Kuala Lumpur, Penerbit : Percetakan Putrajaya Sdn.Bhd.
- Muhammad Rivai Batubara. (1994), *Bagaiman Berinteraksi Dengan Al-Quran*, Cetakan pertama, Selangor, Penerbit: Budaya Ilmu Sdn Bhd.
- M. Quraish Shihab, (1994). *Membumikan Al-Quran*, Cetakan pertama, Penerbit: Mizan khazanah ilmu-ilmu Islam.
- Mohd.Yusuf Ahmad, (2005). *Sejarah Dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*, Penerbit University Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Munir al-Qadban. *Manhaj Haraki dalam Sirah Nabi s.a.w*, Pustaka Darussalam Sdn.Bhd, Kedah.
- Nani Binti Menon. (2000). *Keberkesanan Kaedah Gabungan Bunyikata Dalam Kebolehan Awal Bacaan Dikalangan Kanak-Kanak Prasekolah*. Penerbit UPM.
- Nur Hanis Binti Mohd Hatta. (2009). *Kebersanan Penggunaan Kaedah Bermain Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Asuhan Tilawah Al-Quran Tahun 4*. Penerbit IPG.
- Samsul Nizar, (2008) . *Sejarah Pendidikan Al-Quran*, Jakarta: Kencana.